



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/12/2012

Pembangking tidak punyai matlamat, hala tuju sama

# PRU-13: Peringatan Dr. Mahathir

UM-5/12/12

Oleh NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA  
utusanmelaka@utusan.com.my

**MELAKA** 4 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, negara akan mengalami kehancuran dan kecelaruan jika pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, hal ini kerana kerajaan yang akan dibentuk oleh pembangkang merupakan kerajaan campuran daripada tiga parti yang tidak mempunyai matlamat dan hala tuju sama.

Beliau menarik perhatian keinginan Pas untuk menjadikan Malaysia negara Islam ditentang oleh DAP manakala Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang bertindak sebagai orang tengah hanya menasarkemenangan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Keadaan ini memang bahaya, kadang-kadang apabila kita berada dalam keadaan selamat, kita tidak fikir akan jadi tidak selamat, kita selamat sebab memilih pemerintah yang prihatin.

"Ini terpulung kepada rakyat, namun ada yang mengundi mengikut emosi dan taksu walaupun pemimpin jelas menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan Islam.

"Apabila rakyat tidak menggunakan pemikiran dan mengundi semata-mata kerana perasaan, besar kemungkinan negara kita akan hancur. Sebab itu kita lihat banyak negara tidak dapat melaksanakan cara-cara demokrasi kerana ketaksu-ban kepada pemimpin, bukan untuk membangunkan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Ketahanan Bangsa pada Seminar Ketahanan Nasional 3 - Mengekalkan Kedau-



DR. MAHATHIR Mohamad bersalam dengan sebahagian pelajar universiti ketika hadir untuk menyampaikan ucapan pada Seminar Ketahanan Nasional 3 - Mengekalkan Kedaulatan Negara di Ayer Keroh, Melaka, semalam. - BERNAMA

latan Negara di Puteri Resort, Ayer Keroh di sini hari ini.

Seminar tiga hari bermula semalam itu dianjurkan oleh Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, rakyat kini mula sedar bahawa pada pilihan raya lalu, mereka membuat pilihan berdasarkan rasa marah kepada sesuatu.

"Faktor ini telah pun mereka ketepikan, kita patut rapatkan kembali barisan supaya dapat di-

sebuah kerajaan yang kuat iaitu mendapat kemenangan dua pertiga," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak perlu mengikut konsep Negara Bangsa seperti kebanyakan negara lain kerana terikat dengan

masalah kaum yang tidak mahu mengetepikan identiti asal mereka.

Kata beliau, Malaysia lebih liberal dan bertimbang rasa kerana membenarkan kaum lain mengamalkan agama, budaya dan bahasa ibunda masing-masing.